

## **BIDANGKUASA HIBAH AMANAH: SATU TINJAUAN RINGKAS DI MAHKAMAH SYARIAH**

### ***JURISDICTION OF HIBAH AMANAH: A BRIEF REVIEW IN SYARIAH COURTS***

<sup>i,\*</sup>Mohamed Fouzi Mokhtar, <sup>i,ii</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, & <sup>i,ii,iii,iv</sup>Ahmad Syukran Baharuddin

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>ii</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>iii</sup>International Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

<sup>iv</sup>Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

<sup>\*</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia

\*Corresponding Author: [abifauzan@gmail.com](mailto:abifauzan@gmail.com)

### **ABSTRACT**

The main difference between the absolute grant and the trust grant is related to the ownership of the grant property. Ownership of the property in absolute hibah must be transferred completely to the grantee, and the grantor no longer has any right or interest in the property. In this matter, the recipient can still enjoy the benefits of the property even though the property has been transferred to the beneficiary when using the trust grant product. The implementation of this trust grant is done by changing some of the original features of the grant contract by imposing certain conditions based on the conditions of 'umrā and ruqbā to increase the effectiveness of alternative real estate planning. However, the implementation of this grant of trust is not supported by a clear law that even raises questions regarding the competent court to hear this grant of trust. This paper aims to look at the legal issues that are the main problem to the effectiveness of the implementation of this Hibah Amanah. This legal study is qualitative using a documentation study approach. The analysis method used is content analysis of data obtained from scientific documents such as books, articles and case reports from journals in issues related to document evidence and grants from the perspective of Shariah principles. The results of the study found that this jurisdictional problem stems from the implementation of this trust grant that has combined matters that are within the jurisdiction of the Syariah Court and also the Civil Court in the implementation of the trust grant. In conclusion, an effort to enact specific laws related to trust according to Islam should be implemented immediately to resolve this jurisdictional conflict.

**Keywords:** *Hibah amanah, jurisdiction court, civil court, Syariah court*

## Abstrak

Perbezaan utama antara hibah mutlak dan hibah amanah adalah berkaitan dengan pemilikan harta hibah. Pemilikan harta dalam hibah mutlak hendaklah dipindahkan sepenuhnya kepada penerima hibah, dan pemberi hibah tidak lagi mempunyai hak atau kepentingan terhadap harta tersebut. Dalam perkara ini, penerima masih dapat menikmati faedah daripada harta tersebut walaupun harta berkenaan telah dipindahkan kepada benefisiari apabila menggunakan produk hibah amanah. Pelaksanaan hibah amanah ini dilakukan dengan mengubah beberapa ciri asal kontrak hibah dengan mengenakan syarat-syarat tertentu berdasarkan syarat '*'umrā* dan *ruqbā*' untuk meningkatkan keberkesanan perancangan hartanah alternatif. (Nazrul Hazizi Noordin, et. al. 2016) Namun, pelaksanaan hibah amanah ini tidak disokong oleh undang-undang yang jelas bahkan menimbulkan persoalan berkaitan mahkamah yang kompeten untuk mendengar hibah amanah ini. Makalah ini bertujuan untuk melihat berkaitan persoalan undang-undang yang menjadi permasalahan utama kepada keberkesanan pelaksanaan hibah amanah ini. Kajian perundangan ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian dokumentasi. Metode analisis yang digunakan adalah analisis kandungan terhadap data-data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan keterangan dokumen dan hibah dari perspektif prinsip Syariah. Hasil kajian mendapatkan bahawa permasalahan bidangkuasa ini berpunca daripada pelaksanaan hibah amanah ini telah menggabungkan perkara yang berada di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil dalam pelaksanaan hibah amanah tersebut. Kesimpulannya, suatu usaha untuk menggubal undang-undang khusus berkaitan amanah menurut Islam hendaklah dilaksanakan dengan segera bagi menyelesaikan konflik bidangkuasa ini.

**Kata Kunci:** Hibah amanah, bidangkuasa mahkamah, Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah

### Pengenalan

Hibah amanah mula mendapat tempat di Malaysia dalam pengurusan harta tanah Islam apabila Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) memperkenalkan hibah amanah pada tahun 2013. Produk lain termasuklah Pri-Hibah oleh CIMB-Principal Asset Management Berhad; Hibah Harta *Trust* oleh CIMB Islamic Berhad; Pri-Hibah oleh As-Salihin Trustee Berhad; dan Hibah Amanah Raya oleh Amanah Raya Berhad (ARB). Pada masa kini, penggunaan produk hibah telah dijalankan secara meluas sebagai salah satu instrumen perancangan harta orang Islam di Malaysia. Situasi tersebut telah mendorong institusi dan agensi perancangan harta memperkenalkan pelbagai produk hibah dan antaranya ialah hibah amanah atau *trust hibah*.

Hibah amanah memberikan ruang kepada pemberi hibah untuk mengekalkan kawalan penuh terhadap harta hibah semasa hayat, manakala penerima hibah akan memperoleh harta tersebut hanya selepas kematian pemberi hibah. Pemakaian prinsip amanah dalam instrumen hibah merupakan satu langkah signifikan dalam mewujudkan kemaslahatan terhadap harta seseorang terutama dalam mengatasi kemelut pewarisan harta apabila berlaku kematian (Noor Lizza et al., 2019). Hibah amanah merupakan pemberian harta oleh Pemberi Hibah semasa hidupnya kepada pPenerima atas dasar kasih sayang, secara sukarela tanpa paksaan dan, tanpa mengenakan sebarang balasan serta berlakunya ijab qabul antara Pemberi Hibah Amanah dan Penerima Hibah Amanah. Harta Hibah dipegang oleh Pemberi yang bertindak sebagai Pemegang Amanah dan akan diserahkan milik kepada Penerima selepas kematian Pemberi dan / atau kepada waris penerima sekiranya penerima meninggal dunia terlebih dahulu.

Kajian ini bertujuan untuk melihat berkaitan persoalan undang-undang yang menjadi permasalahan utama kepada keberkesanan pelaksanaan hibah amanah ini. Kajian ini membincangkan berkaitan konsep hibah dan konsep amanah itu sendiri dari sudut hukum syarak dan undang-undang yang terpakai di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga melihat aspek bidangkuasa mahkamah yang diberikan bidangkuasa untuk memutuskan berkaitan isu hibah dan amanah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali, kajian ini turut melihat pelaksanaan hibah amanah di Malaysia dan diperkuuhkan dengan rujukan kes yang diputuskan oleh mahkamah samada Mahkamah Syariah maupun Mahkamah Sivil.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu kajian mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kajian ini bersifat empirikal yang berasaskan fakta dan bukti objektif. Sumber data yang digunakan dalam fasa ini adalah berdasarkan data keperpustakaan daripada kitab-kitab ulama terdahulu, penulisan sarjana-sarjana pada masa kini, penulisan artikel dan makalah. Pengkaji turut merujuk kepada kamus, sumber rujukan undang-undang dan kes-kes yang relevan bagi melengkapkan sumber data bagi kajian fasa ini.

## Perbincangan dan Hasil Kajian

### *Konsep Hibah*

Hibah dari sudut bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Hibah ialah pemberian hak atau harta secara sukarela, tanpa dipaksa atau terpaksa daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain dengan niat dan tujuan yang baik, tanpa ada sebarang syarat, imbalan atau balasan. (Wan Ismail et al., 2021; Rositah Kambol, 2019), Al-Syarbini pula mendefinisikan hibah sebagai pemilikan sesuatu benda tanpa balasan semasa hidup dan dilakukan secara sukarela. Ini bermakna, hibah adalah pemberian suatu pemilik tanpa balasan, sekiranya memberi milik kerana mengharapkan pahala akhirat maka dinamakan sedekah dan sekiranya dipindahkan kepada yang menerima hibah maka dinamakan hadiah (Sharbini, 1995). Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) memberikan definisi hibah sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan yang baik; menghibahkan memberikan (pada masa si pemberi masih hidup) (Mohd Adib Abd Muin et al., 2015).

Manakala rukun hibah pula terdiri daripada pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibah dan lafaz ijab dan qabul (Amir Husin Mohd Nor et al., 2018). Wahbah Zuhayli juga menyatakan bahawa rukun hibah menurut ulama ada empat iaitu pemberi, penerima, barang yang diberi dan sighah (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 2018).

Noor Lizza et al., mengkategorikan hibah kepada dua iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Hibah bersyarat pula dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah bersyarat *'umrā* dan hibah bersyarat *ruqbā* (Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said, 2019). Hibah mutlak merupakan pemberian sesuatu kepada seseorang secara langsung sebagai penghargaan kepada penerima hibah atau pemindahan hak milik tanpa balasan yang berlaku ketika masih hidup secara sukarela. Hibah *'umrā* adalah hibah yang diberikan kepada penerima hibah tetapi jika penerima mati dahulu, maka harta tersebut dikembalikan semula kepada pemberi hibah.

Manakala Hibah *ruqbā* adalah hibah bersyarat yang meletakkan syarat siapa yang meninggal dunia terlebih dahulu. Jika pemberi hibah meninggal dahulu, maka harta tersebut menjadi milik penerima, sebaliknya jika penerima meninggal dunia dahulu, hibah mesti dipulangkan kepada pemberi. Hibah bersyarat berbeza dengan hibah mutlak kerana hibah mutlak disepakati oleh fuqaha manakala keunikan hibah bersyarat adalah terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan fuqaha. Pada dasarnya hibah bersyarat adalah tidak sah, tetapi jika syarat itu boleh dipenuhi dan tiada elemen *gharar*, maka hibah itu sah. Hibah mutlak adalah hibah yang diberikan secara milikan penuh kepada penerima (Nurul Huda Ahmad Razali et al., 2018).

### *Konsep Amanah*

Pentakrifan amanah boleh difahami sebagai perletakkan tanggungjawab oleh seseorang atau entiti yang sah iaitu pemilik harta. Pemilik harta sebagai pemberi amanah menyerahkan pemilikan hak asetnya kepada individu atau institusi untuk kepentingan benefisiarinya yang tertentu. (Nur Liyana Izzati Mohd Saufi & Noor Lizza Mohamed Said, 2020). Amanah bermaksud kepercayaan atau satu bentuk penerimaan tanggungjawab dengan mematuhi segala perintah dan larangan terhadap peraturan yang telah ditentukan bersamanya dari segi istilah. (Habsah Bakar, 2006) Amanah tidak ditakrifkan secara khusus dalam statut di Malaysia. Seksyen 3 Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta2018] hanya menghuraikan jenis Amanah (*trust*) dan pemegang amanah (*trustee*). "Amanah" tidak termasuk tugas pemegang gadaian, tetapi dengan kekecualian ini ungkapan "amanah" dan "pemegang amanah" diperluas kepada Amanah termaklum dan Amanah ikut-taksir, dan kepada hal-hal pemegang Amanah mempunyai kepentingan benefisial pada harta Amanah itu, dan kepada tugas-tugas yang bersampingan

dengan jawatan seseorang wakil diri dan ungkapan “pemegang amanah”, jika bersesuaian dgn konteksnya, meliputi, wakil diri, dan “pemegang Amanah baru” meliputi pemegang Amanah tambahan.

Amanah dalam konteks ini bermaksud satu kontrak penyerahan kuasa kepada sesuatu pihak supaya menguruskan harta amanah. Amanah menurut Islam memiliki perbahasan yang amat luas. Amanah Islam boleh terbentuk secara tidak langsung melalui akad muamalat lain seperti akad hibah bersandarkan kepada perkara tertentu agar dikuatkuasakan sebelum atau selepas kematian pembuat amanah (Noor Lizza Mohamed Said et al., 2019). Amanah atau harta amanah secara ringkasnya bermaksud seorang pemegang amanah yang memegang harta amanah bagi faedah orang tertentu. Amanah bukanlah sifat peribadi seseorang semata-mata bahkan ia boleh wujud dalam bentuk kontrak yang mengikat kedua-dua pihak untuk saling menjaga kepentingan masing-masing berdasarkan apa yang telah dipersejui. Kontrak amanah lebih kepada kontrak yang bersifat pertolongan pada asalnya di mana seseorang meminta individu lain mentadbir urusannya tertentu tanpa ada balasan. Pegangan harta Amanah boleh wujud dalam pelbagai bentuk sama ada harta alih mahupun harta tak alih, berupah atau tidak (Mohd Zamro Muda et al., 2023).

Amanah adalah satu instrumen pengurusan harta yang diiktiraf oleh undang-undang di mana satu tanggungjawab dibentuk kemudian diberikan kepada seseorang yang dikenali sebagai pemegang amanah untuk mengurus tadbir harta pembuat amanah. Istilah tanggungjawab memberi pengertian bahawa pegangan seorang pemegang amanah tidak menyebabkan harta berpindah milik kepadanya bahkan ia adalah milik penerima manfaat atau benefisiari (Noor Lizza Mohamed Said et al., 2019). Walau bagaimanapun, undang-undang Amanah yang sedang diamalkan di Malaysia didasari kepada prinsip ekuiti yang berasal daripada perundangan Inggeris (Abdul Hamid Mohamad, 2006).

Pembentukan amanah di dalam Islam pula boleh terbentuk tanpa majlis akad yang khusus namun kontrak ini tetap memerlukan persetujuan daripada pemberi dan pemegang amanah. (Nasrul Hisyam Nor Muhammad, 2011) Amanah menurut perspektif Islam pula ialah sesuatu yang berada dalam jagaan penjaga amanah sama ada diamanahkan untuk menjaga sesuatu seperti *wadi’ah* (simpanan harta) atau yang terkandung dalam ‘akad seperti sewaan dan pinjaman. Biasanya ia disandarkan kepada *yad Amanah* (tangan yang menjaga amanah) iaitu seseorang yang dipertanggungjawabkan dengan sesebuah amanah tidak akan menanggung sebarang kerugian sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini ke atas amanah tersebut kecuali dia sendiri yang cuai atau melampaui batas dalam menjalankan tanggungjawab itu (Mustofa al-Khin et al., 2014) Pembentukan amanah di dalam Islam boleh terjadi di dalam beberapa bentuk akad muamalat iaitu *wadi’ah*, *wakalah* dan *wisayah* (Mohd Zamro Muda, 2018). Hakikatnya, amanah Islam tertakluk kepada rukun dan syarat tertentu bergantung kepada tujuan pelaksanaan akad seperti *wisayah* dan *wakalah* yang sememangnya memberi kesan perbezaan hukum berhubung waktu pelaksanaannya sama ada berkuatkuasa semasa hayat atau selepas kematian pembuat amanah (Noor Lizza et al., 2019).

*Wadi’ah* ialah perletakkan sesuatu barang kepada seseorang yang bukan pemilik kepada harta tersebut untuk dijaganya. *Wadi’ah* yang diterapkan di dalam pengamanahan harta ini berlaku apabila seseorang pemilik harta meminta pihak yang diamanahkan untuk menjaga harta untuk memegang dan menyimpan hartanya. Selain itu, amanah di dalam Islam juga boleh berlaku dalam bentuk perwakilan atau *wakalah*. Pemegangan amanah ini berlaku apabila pemilik harta mewakilkan pemegang amanah yang dilantik sama ada individu atau syarikat amanah untuk menguruskan harta dengan persetujuan antara kedua-dua pihak tersebut. Pegangan harta amanah melalui *wakalah* ini hanya berbentuk perwakilan, harta yang diamanahkan kepada pemegang amanah tersebut tidak berpindah milik kepada pemegang amanah dan masih di bawah pemilikan pemilik harta. Pemilik harta juga boleh melakukan pengamanahan harta yang berkuatkuasa selepas kematianya iaitu *wisayah*. Perlaksanaan amanah tersebut hanya berkuatkuasa selepas kematian pemilik harta. Asasnya *wisayah* dan *wakalah* adalah dua bentuk amanah yang sama di mana mewakilkan seseorang untuk menjadi pemegang amanah kepada hartanya, namun waktu perlaksanaan kedua-dua jenis amanah ini adalah berbeza. *Wisayah* adalah pegangan amanah yang hanya berlaku selepas kematian pemilik harta manakala *wakalah* adalah pengamanahan yang berlaku ketika pemilik harta masih hidup (Nur Liyana Izzati Mohd Saufi & Noor Lizza Mohamed Said, 2020).

*Wisayah* tidak terbatas kepada perwalian dan penjagaan kepada golongan yang tidak mempunyai kelayakan sahaja seperti kanak-kanak, orang gila dan anak yatim sahaja. Bahkan arahan untuk melangsaikan hutang dan penjelasan hak juga boleh dilakukan melalui *wisayah*. Amanah melalui *wisayah* ini jika dilihat secara teori menyerupai konsep *trust civil* yang sedia ada namun akad ini mempunyai rukun dan syarat yang perlu dipatuhi supaya akad pengamanahan jenis ini adalah sah menurut perundangan Islam. Antara syarat yang diberikan penekanan di dalam *wisayah* adalah pemegang amanah yang dilantik hendaklah Muslim maka pemilik harta hendaklah melantik orang Islam atau syarikat kepunyaan Muslim supaya pengamanahan ini sah di sisi syarak (Nur Liyana Izzati Mohd Saufi & Noor Lizza Mohamed Said, 2020). Perbezaan konsep dan kesan hukum amanah Islam seperti akad *wisayah* dan wakalah menunjukkan bahawa prinsip amanah amat sesuai diaplikasikan dalam instrumen perancangan harta Islam.

### **Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Hibah**

Malaysia memakai dwi sistem iaitu mahkamah sivil dan mahkamah syariah dalam urusan pentadbiran keadilan negara. Setiap mahkamah mempunyai bidang kuasa yang berbeza dan hanya berbidang kuasa terhadap perkara yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Jelas berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, dan bidang kuasa berkaitan dengan hibah diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Manakala Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan mengenai kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang hibah dalam jadual di atas kecuali Parlimen telah diberi kuasa untuk membuat undang-undang di Wilayah Persekutuan. Setiap negeri mempunyai satu peruntukan statutori yang menyentuh bidang kuasa mahkamah syariah mengenai hibah dalam akta, enakmen atau ordinan pentadbiran agama Islam dan mahkamah syariah.

Peruntukan berkaitan dengan hibah hanya dinyatakan secara umum dalam akta, enakmen atau ordinan negeri-negeri tersebut dan menggunakan istilah yang berbeza dan tidak selaras antara negeri-negeri (Nurul Huda Ahmad Razali et al., 2018) Kelantan dan Sabah menggunakan perkataan “*alang hayat*” namun memasukkan perkataan (hibbah) atau (hibah) bagi menerangkan maksud alang tersebut. Manakala Sarawak pula menggunakan perkataan “*alang semasa hidup*” namun memasukkan perkataan (hibah) bagi menerangkan maksud alang tersebut. Pahang pula menggunakan perkataan “*pemberian semasa hidup*” yang memberi maksud hibah. Hanya Negeri Sembilan sahaja yang mengguna pakai istilah hibah bagi memberi maksud hibah itu sendiri. Manakala negeri seperti Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor, Selangor, Kedah, Melaka, Perak dan Perlis menggunakan istilah “*alang semasa hidup*” atau “*alang hayat*” bagi memberi maksud hibah.

Dalam konteks persoalan ini, mahkamah syariah hendaklah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan kesahan sesuatu hibah yang dilakukan sama ada secara lisan ataupun secara dokumentasi hibah termasuklah dokumentasi hibah yang dibuat oleh institusi, syarikat maupun bank. hibah yang dibuat oleh institusi kewangan dan syarikat amanah tersebut. Pendekatan menentukan bidang kuasa ini boleh dilihat berdasarkan dua elemen iaitu orang Islam (*person*) dan perkara (*subject matter*) berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai Negeri seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

### **Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Amanah**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia meletakkan perkara berkaitan ekuiti dan amanah terletak di bawah Fasal 4(e)(i), Senarai 1 (Senarai Persekutuan), Jadual ke-9. Amanah tidak ditakrifkan secara khusus dlm statut di Malaysia. Seksyen 3 Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta2018] hanya menghuraikan jenis Amanah (trust) & pemegang amanah (trustee). “Amanah” tidak termasuk tugas pemegang gadaian, tetapi dgn kekecualian ini ungkapan “amanah” & “pemegang amanah” diperluas kepada Amanah termaklum & Amanah ikut-taksir, dan kpd hal-hal Dimana pemegang Amanah mempunyai kepentingan benefisial pd harta Amanah itu, dan kpd tugas-tugas yg bersampingan dgn jawatan seseorang wakil diri & ungkapan “pemegang amanah”, jika bersesuaian dgn konteksnya, meliputi, wakil diri, & “pemegang Amanah baru” meliputi pemegang Amanah tambahan. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini undang-undang amanah di Malaysia didasari kepada prinsip ekuiti yang berasal daripada perundangan Inggeris (Abdul Hamid Mohamad, 2006). Selanjutnya, wujudlah beberapa statut tempatan yang memperuntukkan undang-undang berkaitan amanah.

Perkara berkaitan amanah Islam turut disenaraikan sebagai perkara yang berkaitan dengan keagamaan dan undang-undang Islam di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan berhubung amanah Islam hanya disenaraikan secara umum pada Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Mahkamah Syariah (Abdul Hamid Mohamad, 2006). Namun isu pemegang Amanah ini ada diperuntukkan di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Bapa kandung merupakan penjaga yang hakiki kepada diri dan harta kanak-kanak yang terlibat. Undang-undang juga telah memperuntukkan susunan penjaga mengikut turutan untuk kanak-kanak tersebut sekiranya bapa kanak-kanak berkenaan telah meninggal dunia termasuklah menjelaskan syarat-syarat kelayakan bagi penjaga kepada kanak-kanak terbabit dan hartanya hendaklah seorang Islam, dewasa, siuman dan boleh dipercayai.

Mahkamah juga diberi kuasa untuk melantik penjaga bagi kanak-kanak tersebut dalam keadaan orang yang telah ditetapkan meninggal dunia dan tiada dilantik termasuklah melantik ibu kanak-kanak tersebut sebagai penjaga, atau melantik ibu kanak-kanak tersebut bersama orang lain sebagai penjaga. Kuasa mahkamah tersebut tidaklah terhad setakat melantik dan memecat penjaga sahaja, bahkan boleh mengehadkan kuasa penjaga demi kebaikan kanak-kanak tersebut. Mahkamah boleh memerintahkan jumlah tertentu sebagai jaminan akan melaksanakan kewajipan sebagai penjaga dengan sewajarnya. Selain itu, mahkamah juga boleh melarang penjaga daripada menjual, menggadaikan, menggadai janji, menukar, ataupun dengan cara lain melepaskan milik harta kanak-kanak itu.

### **Pelaksanaan Hibah Amanah di Malaysia**

Hibah amanah merupakan hibah kasih sayang yang menggunakan kaedah kacukan integrasi, gabungan, hibrid (*hybrid*) atau cantuman antara hibah dan amanah. Harta hibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan diserah milik kepada penerima selepas kematian pemberi hibah atau menurut persetujuan pihak-pihak tersebut apabila hibah ini dilakukan. (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 2018) Hibah ini secara prinsipnya menyamai hibah '*'umrā* dan *ruqbā* kerana sifat hibah ini bertujuan untuk memelihara hak pemberi dalam menggunakan dan mengurus harta tersebut sehingga dia meninggal dunia. (Alias Azhar et al., 2014) Hibah amanah ini kebiasaannya digunakan dalam pelaksanaan hibah harta tanah kerana kesukaran untuk menambah syarat-syarat tambahan semasa hibah mutlak. Syarat-syarat tertentu ini ditambah kepada akad hibah yang asal melalui instrumen amanah dengan menambah satu lagi akad selepas akad hibah (Mohd Nasir Ali Aminuddin Adnan, 2016).

Hibah amanah merupakan satu bentuk pemberian daripada pemberi harta semasa hidupnya dan pemberi harta masih boleh menggunakan harta tersebut selepas akad hibah amanah itu berkuatkuasa (Halim & Bustami, 2017). Secara keseluruhannya, hibah amanah merupakan gabungan dua kontrak iaitu akad hibah dan akad amanah (Othman, 2006). Hibah amanah harta tanah ialah pemberian harta tak alih oleh penghibah semasa hidup kepada penerima hibah di mana pegangan harta tanah ini melibatkan pemegang amanah yang bertanggungjawab menguruskan harta tanah untuk diserahmilik kepada penerima hibah berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam surat ikatan amanah (Azman, 2013).

Hibah amanah merupakan suatu bentuk hadiah yang dibuat oleh pemberi amanah semasa hayatnya yang masih boleh menggunakan walaupun selepas hibah amanah itu berkuat kuasa.<sup>7</sup> Pembentukannya dikira lengkap apabila pemberi amanah (pemilik harta amanah) melantik seorang pemegang amanah atau dalam sesetengah keadaan, pemberi amanah itu mengisyiharkan dirinya sebagai pemegang amanah yang memegang harta itu sebagai amanah bagi pihak penerima amanah. Kesannya, harta amanah itu tidak lagi menjadi milik harta pembuat amanah yang tidak boleh ditarik balik melainkan jika terdapat peruntukan kuasa pembatalan yang dibuat khusus ketika membuat amanah. Walau bagaimanapun, harta amanah tersebut akan kembali kepada pembuat amanah sekiranya penerima amanah mati sebelum kematian pembuat amanah. Pelaksanaan yang seakan-akan sama dengan hibah amanah ini telah lama dilaksanakan oleh undang-undang Inggeris, terutama dalam bentuk *living trust*. Oleh itu, undang-undang Inggeris perlu dirujuk untuk memahami konsep dan pembentukan hibah amanah pada masa kini (Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami, 2017).

Permasalahan berkaitan bidangkuasa mahkamah untuk membicarakan isu-isu yang berbangkit daripada pertikaian berkaitan hibah amanah ini. Hal ini kerana pembentukan amanah terikat dengan beberapa peruntukan undang-undang yang berkaitan seperti Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Perbadanan Awam 1995, Kanun Tanah Negara 1965 dan lain-lain akta dan Enakmen Negeri yang berkaitan (Noor Lizza Mohamed Said et al., 2019). Oleh itu, pelantikan pemegang amanah dalam pelaksanaan hibah amanah ini dibuat berdasarkan konsep amanah yang telah digubal di bawah akta-akta tersebut.

Pertikaian mengenai bidangkuasa tersebut boleh dilihat dalam kes *Dato' Kadar Shah bin Tun Sulaiman v Datin Fauziah binti Harun* [2008] 4 CLJ 504 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada tahun 1999, plaintif telah mendepositkan sebanyak USD 50,000 ke dalam akaun bank isterinya iaitu defendant. Pada Jun 2003, telah berlaku perceraian antara pihak plaintif dan defendant. Lalu, plaintif telah menuntut semula sejumlah wang USD 50,000 daripada defendant yang merupakan amanah daripadanya. Namun, defendant menolak tuntutan plaintif dengan menyatakan wang tersebut merupakan pemberian/hibah daripada plaintif untuknya. Defendant turut membangkitkan isu bidang kuasa hibah yang wajar dikendalikan di Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivil berdasarkan peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, penghakiman oleh Hakim Hishamudin menyatakan mahkamah ini selayaknya berbidang kuasa dalam perkara Amanah yang dipertikaikan oleh plaintif. Selain itu, hakim turut membenarkan defendant untuk memanggil seorang pakar undang-undang Islam bagi membuktikan hibah seperti yang dinyatakan. Oleh itu, mahkamah memutuskan rayuan defendant ditolak. Begitu juga dalam kes *TM Feroze Khan v Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 1 CLJ (SYA) 250 di mana Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memutuskan bahawa pemakaian undang-undang Islam dalam aspek pemberian harta amanah hartaan walaubagaimanapun tetap tertakluk kepada undang-undang sivil yang terpakai kepada semua tanpa mengira sama ada pihak-pihak beragama Islam ataupun sebaliknya.

Manakala dalam kes *Abu Bakar Mohd Isa v Rosnani Awang* [2016] 1 LNS 137 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya, Alor Setar, kedua-dua bidang kuasa mahkamah diiktiraf. Pada 24.2.2009 defendant dan plaintif telah menandatangani Borang 14A dan defendant turut menandatangani Permohonan Sebagai Pemegang Amanah bagi bahagian tanah 121/1184 yang didakwa pemberian untuk plaintif. Sungguhpun demikian, defendant enggan mendaftar Borang 14A dan borang pemegang amanah. Plaintiff memohon sebagai benefisiari pada bahagian tanah sebanyak 121/1184 yang dipercayai sebagai pemberian/ hibah daripada defendant. Pihak-pihak bersetuju mahkamah ini tiada bidang kuasa dalam menentukan perkara hibah. Defendant membuat pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah dan Ketua Hakim Syarie memutuskan bahawa tiada hibah antara pihak-pihak. Berdasarkan keputusan Hakim Syarie tersebut, maka mahkamah ini (sivil) memutuskan bahawa defendant bukanlah pemegang amanah pada bahagian tanah tersebut berikutan tidak wujud hibah melalui tindakan plaintif yang tidak mendaftar Borang 14A di Pejabat Tanah. Mahkamah menolak permohonan plaintif. Keputusan kes ini difahami bahawa hakim mahkamah sivil telah mengiktiraf keputusan hakim mahkamah syarie berkenaan hibah kemudian keputusan tersebut diguna pakai dalam memutuskan isu berkenaan pemegang amanah di mahkamah sivil.

Manakala dalam kes *SMASJ lwn SSSMJ* (10000- 040-0041-2015) yang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Selangor, perayu telah tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak tuntutan perayu untuk mengisyiharkan harta yang diberikan oleh arwah ibu mereka. Isu utama yang dibicarakan adalah berkenaan perkara pokok (*subject matter*) dalam kes ini iaitu sama ada transaksi yang berlaku adalah amanah atau pemindahan hak milik. Hakim Syarie dalam kes ini memutuskan bahawa persoalan mengenai amanah wujud atau tidak hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Sivil. YA hakim berhujah bahawa meskipun Mahkamah Syariah berbidang kuasa untuk mendengar persoalan mengenai amanah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Senarai 1, Senarai Persekutuan, perenggan (e)(i), (ii) dan Senarai 2, Senarai Negeri perenggan 1, perlu diingat bahawa terdapat akta lain yang turut mengikat persoalan amanah iaitu Akta Pemegang Amanah 1949. Akta ini terpakai kepada semua orang di Malaysia tanpa mengira kaum, Islam atau tidak. Oleh itu, YA hakim memutuskan bahawa persoalan mengenai amanah hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Sivil terlebih dahulu sebelum persoalan harta pusaka ditentukan di Mahkamah Syariah.

Selain itu, isu hibah amanah ini ada disentuh dalam kes *Amirul Syafiq B. Mohd Noor Ezanie & 1 Lagi lwn. Razali B. Samsudin & 1 Lagi JH 42 1 29-39*. Kes ini adalah rayuan oleh Perayu-Perayu kerana tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang memutuskan hibah yang dibuat oleh si mati, Rahmah binti Hj. Said melalui satu Surat Ikatan Hibah bertarikh 14hb Disember 2007 adalah batal dan tidak sah. Asas penolakan pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah kerana Hakim Bicara berpendapat bahawa tidak wujud qabul samaada dari Perayu-Perayu atau wali mereka. hakim bicara telah menyatakan bahawa berdasarkan dapatannya, tiada sebarang bukti dokumen yang menunjukkan penerima hibah (perayu-perayu) adalah di bawah jagaan dan peliharaan pemberi hibah (simati) kerana “*seseorang kanak-kanak kecil memiliki harta yang dihibahkan kepadanya oleh warisnya atau penjaganya, iaitu orang yang menjaga dan mengurus pelajarannya, samaada harta itu berada dalam tangannya atau berada dalam simpanan orang lain, dengan hanya semata-mata membuat tawaran, iaitu hanya apabila al-wahib berkata aku hibah, dia tidak perlu kepada penerimaan*”. Ketika Surat Ikatan Hibah itu ditandatangani, umur Perayu 1 adalah 15 tahun dan umur Perayu 2 adalah 13 tahun. Berkenaan isu kategori umur dari segi undang-undang, Kami dapatkan kedua-dua Perayu pada masa kes ini berjalan di Mahkamah Tinggi Syariah adalah termasuk di bawah tafsiran seksyen 2 Akta Tatacara Mal 1993 iaitu “*orang belum dewasa*” yang membawa erti *seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun*. Oleh yang demikian, qabul dari Perayu-Perayu sebagai penerima hibah tidaklah diperlukan bagi membolehkan mereka memiliki harta yang dihibahkan.

Panel Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan rayuan ini diterima berdasarkan alasan si mati juga bertindak sebagai pemegang amanah yang akan memegang harta tersebut sebagai amanah kepada Perayu-Perayu dan akan memindah milik kepada Perayu-Perayu tersebut setelah kedua-duanya cukup umur 18 tahun. Ini bermakna hibah ini dibuat melalui amanah (*Hibah Via Trust*) dan bukan Hibah Amanah (Trust Hibah) seperti yang dinyatakan oleh Hakim Bicara. Hibah melalui amanah ialah pindah milik tidak terus kepada penerima hibah, tetapi kepada pemegang amanah. Dengan kata lain, elemen qabd dalam hibah ini dilakukan oleh pemegang amanah sebagai menggantikan penerima hibah. Pemegang amanah dalam keadaan ini merupakan pemilik dari segi perundangan (*legal ownership*), manakala penerima hibah menjadi pemilik secara benefisial (*Nasrul Hisyam Nor Muhamad, terbitan Universiti Teknologi Malaysia yang bertajuk “Hibah Dalam Undang-Undang Islam: Prinsip & Amalan” muka surat 207*).

Penulis mendapati Berdasarkan keputusan kes-kes di atas, boleh dirumuskan bahawa bidangkuasa berkaitan hibah dan amanah boleh dijelaskan seperti yang berikut:

- i. Pertama; Penentuan kesahan sesuatu hibah hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah berdasarkan bidangkuasa yang jelas ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Kedua; Penentuan sesuatu amanah yang dibentuk berdasarkan akta-akta sivil hendaklah dibicarakan di Mahkamah Sivil. Hal ini kerana pelantikan pemegang amanah tersebut dibuat berdasarkan Akta Pemegang Amanah 1949, maka sudah tentu tindakan dan punca kuasa hendaklah dirujuk kepada mahkamah sivil jika berlaku sebarang permasalahan.
- iii. Ketiga; Penentuan kesahan hibah amanah yang menggabungkan konsep hibah dan konsep amanah sivil hendaklah ditentukan berdasarkan bidangkuasa masing-masing sekiranya penyempurnaan akad hibah ini dibuat secara berasingan dengan pelantikan pemegang amanah.
- iv. Keempat; Penentuan kesahan hibah dan amanah yang dibuat berdasarkan amanah Islam boleh diputuskan di Mahkamah Syariah berdasarkan bidangkuasa dan peruntukan undang-undang sedia ada.

Oleh itu, undang-undang hibah dan amanah Islam perlulah digubal bagi mewujudkan keseragaman bidang kuasa dalam menyelesaikan permasalahan hibah amanah ini. (Nazrul Hazizi Nordin et al. 2016).

## Kesimpulan

Penggunaan produk hibah amanah sebagai salah satu perancangan pengurusan harta orang Islam semakin berkembang dan mendapat kepercayaan masyarakat bagi menjaga kepentingan diri semasa hidup. Hal ini kerana hibah amanah hartanah dilihat amat sesuai diaplikasikan sebagai instrumen perancangan harta dalam konteks masyarakat hari ini. Namun, isu perundangan hendaklah diberikan

perhatian semasa melaksanakan produk hibah amanah ini supaya tidak menimbulkan masalah di kemudian hari. Bahkan pelaksanaan hibah amanah hendaklah dibuat dengan lebih berhati-hati dan tidak melangkaui perundangan kita yang mengamalkan dwi sistem melalui pembahagian bidangkuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Penggubalan undang-undang berkaitan perkara hibah dan amanah Islam perlulah diwujudkan dengan mengambil kira pemakaian hukum syarak secara lebih meluas dalam kalangan fuqaha' berdasarkan realiti dan keperluan masyarakat hari ini.

## Rujukan

- Abdul Hamid Mohamad. (2006). Bidang kuasa Mahkamah Sivil dalam Pentadbiran Harta Amanah di Malaysia. In Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia* (pp. 93–106). Universiti Malaya.
- Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. (2018). Garis panduan penentuan kesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016 (KASPI2016)*, 40. UKM Bangi.
- Akmal Hidayah Halim, & Tajul Aris Ahmad Bustami. (2017). Pelaksanaan hibah amanah sebagai suatu instrumen pengurusan harta Islam di Malaysia. *Kanun*, 29, 7.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, & Fauziah Mohd Noor. (2014). Pengurusan harta dalam Islam: Perspektif hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 122–123.
- Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Hasnizam Hashim, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2018). Kaedah-kaedah pembuktian kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia: Rujukan kes-kes dalam jurnal hukum. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(3), 31.
- Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008.
- Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004.
- Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pahang) 1991.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1998.
- Habsah Bakar. (2006). Pengalaman Amanah Raya Berhad (ARB) dalam pentadbiran harta amanah orang Islam. In Siti Mashitah Mahamood (Ed.), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia* (pp. 133–148). Universiti Malaya.
- Mohd Adib Abd Muin, Mohd Sollehudin Shuib, Azizi Abu Bakar, Muhammad Ahmad, Shuhairimi Abdullah, & Azizan Bahari. (2015). Pelaksanaan hibah dalam keusahawanan sosial Islam: Satu tuntutan agama. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/281107727>
- Mohd Nasir Ali Aminuddin Adnan. (2016). Hibah amanah hartanah. In *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (Irsyad 2016)* (p. 2159). Shah Alam, Selangor.
- Mohd Zamro Muda, Nurnazirah Rosdi, & Noor Lizza Mohamed Said. (2023). Analisis perundangan dan kes hibah amanah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 23, 80.
- Mohd Zamro Muda. (2018). Hibah amanah daripada perspektif perundangan & syarak. *Kertas Kerja Executive Talk: Isu-isu dalam Perbankan & Kewangan Islam*. Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Shah Alam, 17 April.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho, & Ali Al-Syarbaji. (2014). *Al-Fiqh al-Manhaji: Muamalat dan kewangan Islam dalam fiqh al-Syafi'i* (Zulkifli Mohamad al-Bakri, Trans.). Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. (2011). *Hibah dalam undang-undang Islam: Prinsip dan amalan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Muhammad Hadi Abd Rahman, & Siti Nurah Haron. (2016). Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics*, 32(4), 426.

- Noor Lizza Mohamed Said, Wan Amirul Adli Wan Ayub, Mohd Zamro Muda, Adnan Mohamed Yusoff, & Mohd Izhar Mohd Kassim. (2019). Pengamanahan dalam perancangan harta orang Islam. *Jurnal Islamiyyat*, 41(2), 71–79.
- Nur Liyana Izzati Mohd Saufi, & Noor Lizza Mohamed Said. (2020). Amanah: Produk perancangan harta Muslim di Wasiyyah Shoppe Berhad. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 132–134.
- Nurul Huda Ahmad Razali, Fadhilah Abdul Ghani, Nurul Farhanah Mohd Nasir, & Munirah Selamat. (2018). Tinjauan hibah dalam undang-undang pentadbiran harta Islam di Malaysia: Masalah dan solusi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(15), 13.
- Nurul Huda Ahmad Razali, Fadhilah Abdul Ghani, Nurul Farhanah Mohd Nasir, & Munirah Selamat. (2018). Tinjauan hibah dalam undang-undang pentadbiran harta Islam di Malaysia: Masalah dan solusi. Retrieved from <http://www.mycite.my/en/files/article/136577>
- Ordinan Mahkamah Syariah Negeri Sarawak 2001.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Rositah Kambol. (2019). Pengurusan harta orang Islam melalui hibah: Isu dan penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 100.
- Sharbini, M. al-K. al-. (1995). *Mughni al-Muhtaj* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Siti Rashidah Ismail, & Noor Lizza Mohamed Said. (2019). Pelaksanaan hibah dalam produk takaful: Perspektif fuqaha. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 15(1), 59.
- Wan Ismail, W. A. F., A Rashid, M. R., Mas'ad, M. A., Abdul Shukor, S., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., ... Alias, M. A. A. (2021). Konsep Pelaksanaan Hibah Bagi Kes-Kes Maradh Al-Mawt COVID-19 Dalam Kalangan Orang Islam di Malaysia: The Concept of Implementation of Hibah for The Cases of Maradh Al-Mawt COVID-19 Among Muslims in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 61–72. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol9no1.272>